

Kesultanan Melayu Brunei dalam Konflik Mukah pada Abad ke-19: Satu Perbandingan antara Perspektif Sumber Barat dan Tempatan

ABSTRAK

Dalam merongkai dan menganalisis sejarah Brunei abad ke-19, para sejarawan lazimnya menggunakan dua sumber utama, iaitu sumber Barat dan sumber tempatan. Dalam pengkajian sejarah Brunei, utamanya kes Mukah pada abad ke-19, para pengkaji tidak semestinya hanya bergantung kepada sumber Barat, tetapi sumber tempatan juga perlu diambil kira andaikata sumber-sumber ini masih wujud untuk diteliti. Oleh itu apabila menggunakan sumber Barat, para pengkaji harus berhati-hati dan perlu mempunyai pemikiran yang kritis, kerana sumber ini mempunyai agenda tersembunyi dan bersifat Euro-centric. Semenangnya bahawa sama ada sumber Barat mahupun sumber tempatan mengakui tentang kewujudan konflik Mukah semasa era kekuasaan Kesultanan Brunei yang melibatkan tokoh-tokoh seperti Pengiran Arshad, Pengiran Matusin, Pengiran Dipa dan Syarif Mashyur. Maka peristiwa ini memang merupakan satu tragedi dalam tinta dan lembaran sejarah Kesultanan Brunei. Justeru, satu pandangan yang tidak boleh diterima daripada sumber Barat adalah cuba merendah-rendahkan kepimpinan seorang Sultan, sedang tidak ada mana-mana pemimpin yang ingin dan suka jajahannya diambil dan dikuasai oleh orang lain, bahkan dalam sejarah tamadun manusia kehendak sesebuah kerajaan untuk meluaskan jajahan takluknya merupakan fenomena biasa berlaku. Sementara menurut kaca mata sumber tempatan, kelihatannya dalam episod Mukah ini lebih seimbang dalam menceritakan tragedi ini tanpa cuba menyebelahi mana-mana pihak.

Kata-kata kunci: kesultanan Melayu Brunei, konflik Mukah, sumber Barat dan sumber tempatan, serta perspektif sejarah yang adil.

PENGENALAN

Dalam merongkai dan menganalisis sejarah Brunei abad ke-19, para sejarawan lazimnya menggunakan dua sumber utama, iaitu sumber Barat dan sumber tempatan. Sumber Barat terdiri dari catatan dan tulisan orang-orang Barat seperti tulisan James Brooke, pegawai-pegawai British yang berkhidmat di kawasan utara Borneo dan laporan dari pihak kerajaan British. Tulisan-tulisan ini, sama ada telah diterbitkan dalam bentuk buku-buku sejarah, artikel

Prof. Madya Dr. Haji Awg Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam). Alamat e-mail beliau adalah: asbolm@fass.ubd.edu.bn atau asbolm@hotmail.com

dan journal mahupun fail-fail *Colonial Office (CO)* dan *Foreign Office (FO)* yang boleh didapati dalam bentuk maikro filem. Sementara itu sumber tempatan pula boleh didapati dalam bentuk manuskrip tradisional dan juga keterangan lisan yang masih boleh diperolehi menerusi penduduk tempatan, khususnya di kalangan generasi tua. Bagaimanapun, dalam artikel ini hanya akan menggunakan sumber tempatan berdasarkan keterangan lisan,¹ khususnya keterangan kata dengar yang diperolehi dari penduduk Mukah.

KONFLIK MUKAH DARI PERSPEKTIF SUMBER BARAT

Pada kurun ke-19, wilayah Mukah merupakan kawasan penting dari segi ekonomi kepada Kesultanan Melayu Brunei dan Sarawak kerana wilayah ini merupakan pusat pengeluaran sagu terbesar dalam wilayah kekuasaan kesultanan Brunei. Bandar Mukah terletak kira-kira dua batu dari kuala sungai Mukah. Kedudukannya berada di kuala cawangan dari sungai ini, iaitu sungai Tellian. Oleh itu ia menjadi tumpuan aktiviti perniagaan di kalangan pedagang-pedagang Brunei dan Sarawak. Bagi pedagang-pedagang Sarawak, kebanyakan sagu mentah yang dibeli adalah berasal dari kawasan Mukah ini. Komoditi ini kemudiannya diproses di kilang-kilang sagu Kuching sebelum dihantar ke Singapura. Kegiatan perdagangan oleh peniaga-peniaga Sarawak ini sudah lama berlaku dan ternyata ia telah banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi Sarawak.

Daerah yang terdekat dengan Mukah ialah Oya. Kawasan ini juga terkenal dengan pengeluar sagu yang penting dan kemudian diikuti oleh wilayah-wilayah Bintulu, Matu dan Bruit. Ekoran dari produk sagu yang banyak dikeluarkan oleh daerah-daerah ini, maka ia dikatakan sebagai pengeluar 50% dari sagu dunia. Sebelum tahun 1854, kegiatan perniagaan antara Kuching dan Mukah tiada mengalami gangguan dan masalah, tetapi sejak tahun 1854 apabila persengketaan telah tercetus di wilayah ini antara keluarga Pengiran Arshad dengan keluarga Pengiran Matusin. Kedua-dua Pengiran yang bermusuhan ini sebenarnya masih mempunyai ikatan saudara kerana Pengiran Matusin adalah sepupu kepada Pengiran Arshad. Oleh kerana persengketaan ini, maka aktiviti perdagangan sagu telah mengalami gangguan (Rawlins, 1965:108; Gould & Bampfylde, 1989:213 dan 250; dan St. John, 1994:283).

¹Keterangan lisan sebagai sumber sejarah secara umumnya terbahagi kepada empat kategori: (1) keterangan proto, (2) keterangan saksi mata, (3) keterangan kata dengar, dan (4) keterangan tradisi lisan. *Keterangan proto* adalah maklumat yang dituturkan oleh pelaku yang terbabit dalam peristiwa yang dikaji. *Keterangan saksi mata* adalah keterangan yang diberikan oleh seseorang yang melihat peristiwa yang berlaku. Informan tidak terlibat dalam peristiwa itu selain dari sebagai pemerhati atau saksi mata. Bagi *keterangan kata dengar* pula, maklumat yang diberikan atau diceritakan oleh seseorang itu adalah keterangan yang diketahui melalui sumber orang lain. Pengisah tidak terlibat atau mempunyai peranan dalam peristiwa berkenaan dan ia juga bukan saksi mata dalam peristiwa tersebut. Dan *keterangan tradisi lisan*, sesuai dengan kaedah penyampaian secara lisan, dipertuturkan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam proses penuturannya ini ia berlaku dalam bentuk tradisi lisan terkawal dan yang tidak terkawal. Lihat Nadzan Haron (1997:140-150).

Justru, S. Baring Gould dan Charles Brooke mengatakan bahawa Pengiran Arshad yang dikurniakan kuasa mentadbir kawasan ini oleh Sultan Abdul Momin (1852-1885) telah menggunakan dasar penindasan dan kuku besi ke atas penduduk Mukah. Inilah yang telah menimbulkan rasa kurang senang kepada Pengiran Matusin dan pengikutnya hingga mencetuskan pertikaian. Menurut S. Baring Gould lagi, Pengiran Matusin merupakan seorang pemimpin yang baik dan mendapat sokongan di kalangan penduduk tempatan untuk menentang pentadbiran Pengiran Arshad yang dilihat tidak adil dan terlalu menekan. Ekoran dari tentangan ke atas pentadbiran Pengiran Arshad ini, maka Pengiran Matusin telah dibuang daerah dari Mukah. Namun begitu, lebih kurang pada tahun 1852, beliau kembali semula ke wilayah ini setelah mendapat pengampunan dari Sultan (Gould & Bampfylde, 1989:213; Pringle, 1970:111-112; dan Tarling, 1971:110-111). Ini menunjukkan bahawa pertikaian ini telah berlaku sebelum tahun 1852 lagi.

Menurut Joan Rawlins, krisis antara Pengiran Arshad dengan Pengiran Matusin telah tercetus semula apabila pada suatu hari pada tahun 1855, Pengiran Matusin sedang dalam perjalanan dari kuala sungai Mukah menuju kediamannya di sebelah hulu sungai. Pada masa inilah Pengiran Arshad dari tebing sungai di rumahnya telah berteriak, mengejek, menghina dan mencabar Pengiran Matusin supaya datang menyeranginya. Pengiran Matusin naik radang dengan sikap Pengiran Arshad yang dianggap telah menghina dan mencabar kekelakiannya, lantas mengamuk dan membunuh Pengiran Arshad dan anak perempuannya serta mencederakan beberapa orang lagi keluarga Pengiran Arshad. Apabila beliau kembali ke rumahnya, ia telah mengukuhkan kubu pertahanan kerana menyedari bahawa keluarga dan pengikut Pengiran Arshad pasti akan menyerang balas ke atas tindakannya itu.²

Sebulan selepas tragedi tersebut, penyokong Pengiran Arshad yang diketuai oleh Syarif Mashyur, yang juga abang ipar kepada Pengiran Dipa, datang ke kediaman Pengiran Matusin untuk membalas dendam. Pengiran Dipa adalah anak Pengiran Arshad. Mereka mengepong kawasan beliau dan mendesak supaya menyerah diri. Syarif Mashyur mengatakan, jika Pengiran Matusin bersama pengikutnya menyerah diri, mereka bukan saja akan diampunkan bahkan beliau juga bersedia untuk berdamai. Pengiran Matusin hanya bersetuju pada waktu pagi besoknya dengan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Syarif Mashyur.

Tetapi pada sebelah malamnya, seorang pengikut Syarif Mashyur yang pro Pengiran Matusin telah berjaya menyusup masuk ke kawasanya dan memberi amaran kepada beliau bahawa Syarif Mashyur tidak akan mematuhi janjinya, jadi ia menyuruh Pengiran Matusin segera menyelamatkan diri. Pengiran Matusin, dengan diringi oleh enam orang pengikutnya, telah berjaya melarikan

²Ini menunjukkan bahawa rumah Pengiran Arshad berdekatan dengan kuala sungai Mukah, sementara itu letak rumah Pengiran Matusin di hulu sungai, jadi apabila Pengiran Matusin hendak pergi ke hilir dan ke hulu sungai, beliau perlu melintasi rumah Pengiran Arshad. Selanjutnya lihat Joan Rawlins (1965:108); dan S. Baring Gould & C.A. Bampfylde (1989:214 dan 248).

diri ke Kuching dan minta perlindungan kepada Charles Brooke. Pada hari berikutnya, Syarif Mashyur telah melancarkan serangan ke atas kediaman Pengiran Matusin. Serangan ini dibantu oleh masyarakat Dayak Saribas dan Kanowit yang ramainya lebih 1,000 orang, tidak termasuk orang-orang Melayu. Dalam serangan ini seramai 45 orang keluarga dan ketua-ketua Mukah yang menjadi penyokong Pengiran Matusin telah dibunuh. Sebaik-baik saja berita ini sampai ke telinga Charles Brooke atau Tuan Muda di Kuching, ia telah berkejar ke Mukah untuk menyiasat dan mengenalpasti kejadian itu. Dengan serangan ini, S. Baring Gould berpendapat bahawa penduduk Mukah telah kehilangan pemimpin yang disukai, di samping pengikut Pengiran Matusin kehilangan rumah dan harta benda kerana dibakar dan dirampas oleh Syarif Mashyur (Rawlins, 1965:108-109; dan Gould & Bampfylde, 1989:214-215).

Oleh kerana Syarif Mashyur melibatkan orang-orang Dayak Saribas di bawah pemerintahan Charles Brooke untuk menyerang kediaman Pengiran Matusin, maka beliau telah menerima hukuman berat dari Charles Brooke. Syarif Mashyur juga dipaksa untuk membebaskan 100 orang pengikut Pengiran Matusin yang berada dalam tahananannya. Jawatan Gabenor yang disandang oleh Syarif Mashyur di bawah pentadbiran Charles Brooke juga dilucutkan. Charles Brooke telah melemparkan tuduhan ke atas Syarif Mashyur yang dikatakan telah bersekongkol dengan kumpulan lanun Saribas. Syarif Mashyur juga didakwa sebagai seorang ahli perniagaan yang berpengaruh dan mampu mengawal pasaran garam, satu bahan makanan yang amat diperlukan oleh masyarakat Dayak Skerang. Komoditi ini memang sukar untuk diperolehi kerana pasarnya agak terhad. Selain itu Syarif Mashyur juga dituduh sebagai dalang dalam pengedaran alat kelengkapan senjata kepada penduduk Saribas hingga mendorong mereka untuk melakukan penentangan ke atas kerajaan Sarawak. Setelah dipecat, Syarif Mashyur berundur ke Mukah (Gould & Bampfylde, 1989:215 dan 246-247).

Bagi menyelesaikan konflik Mukah ini, Sultan Abdul Momin telah menghantar Pengiran Indera Mahkota ke Mukah. Tindakan Sultan ini tidak disenangi oleh James Brooke kerana beliau adalah musuh ketatnya (Rawlins, 1965:109; dan Gould & Bampfylde, 1989:216-217). Sementara itu tempat Pengiran Arshad sebagai wakil kerajaan telah diambil alih oleh Pengiran Dipa. Pada bulan September 1857, James Brooke mendapat kuasa dari Sultan untuk campur tangan ke atas kemelut Mukah. Dalam melaksanakan misinya, beliau telah bermesyuarat dengan kedua-dua belah pihak yang bermusuhan. Pertikaian Mukah telah mencetuskan masalah perdagangan selama kira-kira kurang empat tahun. Lebih-kurang 400 orang hadir dalam mesyuarat ini termasuk Pengiran Dipa dan Pengiran Matusin, di samping ketua-ketua tempatan yang keluarga mereka telah terbunuh semasa serangan yang dilancarkan oleh Syarif Mashyur. Dokumen yang bercap mohor Sultan telah dibacakan di hadapan mereka yang menyatakan bahawa James Brooke telah diberi mandat oleh Sultan untuk menyelesaikan konflik Mukah. Beliau juga mempunyai kuasa untuk menghukum sesiapa saja yang berani menentangnya.

Campur tangan James Brooke nampaknya dapat meredakan krisis Mukah buat seketika (Gould & Bampfylde, 1989:219).

Pada 25 Jun 1859 berlaku pembunuhan ke atas dua orang pegawai Charles Brooke berbangsa Inggeris. Charles Fox dan Henry Steele telah terkorban di kubu pertahanan Kanowit (Pringle, 1970:114-115). Pada bulan Julai 1859, Charles Brooke dengan bantuan Syarif Mashyur datang ke Rejang untuk mencari pembunuh pegawai Sarawak tersebut. Syarif Mashyur telah diampunkan oleh Charles Brooke pada tahun 1857, ekoran dari tindakannya menyerang kediaman Pengiran Matusin. Tidak kurang dari sepuluh orang telah dibunuh. Pembunuhan ini dilakukan dalam keadaan prasangka tanpa adanya bukti kukuh, sama ada orang-orang yang dibunuh ini betul-betul terlibat atau tidak dengan pembunuhan Charles Fox dan Henry Steele. Walaupun Syarif Mashyur telah diampunkan dan beliau memberikan kerjasama, tetapi Charles Brooke masih menaruh syak kepada beliau adalah sebagai ketua konspirasi dan dalang dalam peristiwa pembunuhan itu juga. Bagaimanapun, Charles Brooke tidak dapat bertindak kerana ketiadaan bukti kukuh memastikan kebenaran dakwaan tersebut (Gould & Bampfylde, 1989:220 dan 228).

Pada awal tahun 1860, komplot pemimpin Melayu Sarawak untuk menumbangkan pemerintahan James Brooke di Sarawak telah mencapai kemuncaknya. Ianya dikatakan telah dirancang oleh Datuk Patinggi Gapur dan Syarif Masyhur. Pada bulan Februari 1860, Syarif Masyhur sedang belayar menuju Kuching dan sebelum ini pihak Belanda telah melaporkan kepada Charles Brooke bahawa mereka telah menangkap seorang yang menyamar sebagai Pengiran Brunei dan orang ini adalah ejen Syarif Mashyur. Oleh itu Charles Brooke berpendapat bahawa syaknya terhadap Syarif Mashyur, dalang pembunuhan ke atas Charles Fox dan Henry Steele, adalah tepat. Beliau juga dituduh terbabit dalam komplot yang merancang hendak menumbangkan kerajaan Sarawak. Dengan itu beliau telah merancang untuk menangkap Syarif Mashyur ketika dalam pelayarannya menuju Kuching. Pada 6 Februari 1860, tanpa diketahui oleh Syarif Mashyur niat jahat Charles Brooke itu dimana kapalnya telah ditembak dan dikaramkan. Namun begitu, beliau berjaya melarikan diri dan pergi ke Brunei. Oleh kerana gagal menangkap Syarif Mashyur, Charles Brooke menyerang kediaman beliau di lembah Rejang. Serangan ini mendapat bantahan dari Sultan Abdul Momin kerana Charles Brooke telah melakukan keganasan dalam wilayah Brunei.³ Dalam pada itu, Syarif Masyhur menafikan tuduhan yang dibuat oleh Charles Brooke. Penafian ini juga disokong oleh G.W. Edwardes, Pemangku Consul General Labuan, kerana Charles Brooke tidak dapat menunjukkan bukti kukuh untuk mengaitkan dakwaannya itu dengan Syarif Mashyur dalam kes pembunuhan Charles Fox dan Henry Steele.⁴

³Lihat "The Sultan of Brunei to Edwardes, Brunei: 25 April 1860" dalam *F.O.*, 12/27; Pringle (1970:116); dan Gould & Bampfylde (1989:235).

⁴Lihat "Edwardes to Foreign Office, 8 June 1860" dalam *F.O.*, 12/27; dan "Johnstone to Wilson, 30 August 1860" dalam *C.O.*, 144/18.

Akibat dari krisis yang berlarutan dengan Charles Brooke ini, maka Pengiran Dipa dengan bantuan Syarif Mashyur mengadakan sekatan ke atas pedagang Sarawak dari memasuki Mukah. Sementara itu penduduk Mukah tidak boleh berdagang secara langsung dengan pedagang Sarawak, melainkan melalui Pengiran-pengiran Brunei. Ini menyebabkan kilang sagu Kuching mengalami kekurangan bahan mentah untuk diproses. Fenomena ini telah menimpakan kerugian bukan saja dialami oleh syarikat-syarikat sagu di Kuching bahkan juga secara langsung turut menjejaskan pendapatan kerajaan Sarawak. Di antara pedagang-pedagang yang menerima bahang konflik ini ialah pedagang-pedagang Melayu Sarawak. Mereka merasa kecewa kerana dalam keadaan kelut ini mereka tidak mendapat bekalan sagu. Tanpa ada bahan ini bererti operasi peniagaan mereka akan terbantut situasi berkenaan dan sudah tentu mendatangkan kerugian kepada mereka, sedangkan pengusaha-pengusaha sagu di Mukah ada yang sudah mengambil wang pendahuluan. Pedagang-pedagang Melayu Sarawak ini telah memberikan wang pendahuluan tersebut sekitar \$ 8,000.00 hingga \$ 10,000.00, satu jumlah yang agak besar dan amat penting dalam pusingan modal perdagangan mereka (Pringle, 1970:117-118; dan Gould & Bampfylde, 1989:213 dan 248-249).

Bagaimanapun, sekatan ini dikatakan dilakukan tanpa mendapat titah perkenan Sultan, lantas Baginda memerintahkan supaya ia dibatalkan. Dalam pada itu Pengiran Ladah, adik beradik Pengiran Dipa, juga telah menasihati beliau dan Syarif Mashyur supaya sungai Mukah dibuka untuk kegiatan perdagangan bagi pedagang-pedagang Sarawak. Bagaimanapun nasihat ini tidak diendahkan oleh mereka kerana merasa marah dengan tindak Charles Brooke memberikan perlindungan kepada Pengiran Matusin. Walaupun Sultan sudah memerintahkan supaya sungai Mukah dibuka kepada pedagang-pedagang Sarawak, namun pada praktiknya ia tidak berlaku. Oleh itu Kapten Brooke atau Tuan Besar menggunakan kekuatan tentera memaksa Mukah untuk membuka pintunya kepada pedagang-pedagang Sarawak. Angkatan Sarawak ini disertai oleh suku kaum Iban Skerang dan Saribas yang sebelum ini dianggap oleh James Brooke sebagai kumpulan lanun. Beliau juga meminta agar Syarif Mashyur diserahkan. Tindakan tidak bermoral ini telah dihalang oleh G.W. Edwardes,⁵ yang tiba dengan kapal *Victoria* pada 18 Julai 1860. Beliau mendapati angkatan Sarawak selain diketuai oleh Kapten Brooke, ia disertai oleh Charles Brooke dan Pengiran Matusin.

G.W. Edwardes mengarahkan kepada Kapten Brooke supaya menghentikan serangan ke atas Mukah. Menurut beliau, ini adalah satu jenayah kerana Kapten Brooke mencero boh wilayah Brunei. G.W. Edwardes juga menekankan bahawa Kapten Brooke selaku seorang warganegara British sepatutnya menghormati kewujudan perjanjian persahabatan antara kesultanan Brunei dengan kerajaan

⁵Pada tahun 1856, G.W. Edwardes telah dilantik menjadi Gabenor Labuan dan Spenser St John memegang jawatan Konsul General di Brunei. Apabila Konsul General bercuti awal tahun 1860-an, kuasanya dipangku oleh G.W. Edwardes. Lihat "Johnstone to Wilson, 30 August 1860" dalam *C.O.*, 144/18; dan Gould & Bampfylde (1989:246-247 dan 251).

British. Lagi pun Mukah sudah pun dibuka kepada pedagang-pedagang Sarawak, sebagaimana yang dikehendaki oleh Charles Brooke. Kerajaan Sarawak juga tidak akan dikenakan hukuman kerana melakukan pencerobohan ke atas wilayah kesultanan Brunei. Bagaimanapun, Kapten Brooke mahu menyelesaikan pertikaian ini dengan pemajakan Mukah kepada Sarawak dengan bayaran \$ 12,000.00 setahun (Pringle, 1970:123). Jelaslah bahawa isu perdagangan hanyalah sebagai batu loncatan di sebalik agenda tersembunyi keluarga Brooke dalam mengatur strategi ke arah matlamat sebenar, iaitu merampas Mukah dari penguasaan kesultanan Melayu Brunei.

Dalam pada itu Sultan Abdul Momin sangat kecewa apabila kerajaan Inggeris tidak setuju dengan tindakan G.W. Edwardes yang jelas adil dan menurut landasan undang-undang, kerana dianggap terlalu pro Brunei dan campur tangan dalam hal ehwal tempatan. Akhirnya perkhidmatan beliau ditamatkan oleh kerajaan British. Maka St. John kembali mengambil alih jawatan Gabenor setelah G.W. Edwardes ditarik balik ke United Kingdom. Kemudian Mukah telah diserang oleh keluarga Brooke dengan bantuan angkatan British yang didatangkan dari Singapura. Ini menunjukkan bahawa serangan ini juga mendapat restu daripada kerajaan British kerana ia tidak mahu kawasan Mukah dimasuki oleh kuasa-kuasa Barat yang lain. Ia lebih suka kawasan ini dikuasai keluarga Brooke kerana mereka adalah warganegara British.

Pengiran Dipa dan keluarganya telah dihantar balik ke Brunei dan Syarif Mashyur dijatuhi hukuman buang negeri ke Singapura. Maka pada 6 September 1861, Sultan Abdul Momin bersama dengan Wazir-wazir Baginda, dalam berat hati dan terpaksa, telah memajakan kepada Sarawak wilayah-wilayah dari kuala Sungai Samarahan hingga ke Tanjung Kidurong. Dalam wilayah ini mengandungi sepuluh jajahan, iaitu Samarahan, Sadong, Batang Lupar, Saribas, Kalaka, Rejang, Matu, Oya, Mukah dan Bintulu. Dalam perjanjian ini Sarawak hanya membayar sebanyak \$ 6,000.00 setahun kepada Sultan Abdul Momin dan Wazir-wazir. Dari pembayaran ini jelas James Brooke telah melakukan penipuan ke atas kesultanan Brunei apabila beliau tidak menepati janji sebelum ini akan memberikan bayaran pajakan sebanyak \$ 12,000.00. Ini bererti ia telah mengambil kesempatan dengan kekuatan yang ada padanya dengan menetapkan pembayaran dikurang kepada 50% dari tawaran asal.

Tetapi Joan Rawlins (1965) mengatakan bahawa Sultan dalam keadaan gembira menyerahkan wilayah ini kerana selama krisis Mukah berlaku, Baginda tidak menerima apa-apa sumber pendapatan. James Brooke, sebagai Gabenor Brunei, akan mengendalikan sumber ekonomi wilayah ini. Sultan sudah tidak boleh lagi campur tangan ke atas apa jua tindakan yang akan diambil oleh James Brooke dalam meningkatkan sumber pendapatan dan juga pembangunan di wilayah ini. Sebagai balasannya, James Brooke akan membantu Sultan jika Baginda menghadapi sebarang masalah.⁶ Bagaimanapun, janji ini tinggal janji

⁶Lihat "E. Hertslet, Memorandum Respecting the Status of Rajah Brooke of Sarawak, and as to His Right to be Treated as an Independent Sovereign Prince, December 29, 1876" dalam *F.O.*,

dan tidak pernah dikatakan oleh James Brooke kemudiannya. Sebaliknya, James Brooke telah banyak mendatangkan masalah apabila kuasa pajakan ini telah dieksploitasi untuk memberikan tekanan dalam langkah seterusnya untuk menguasai lebih banyak wilayah, hingga boleh dikatakan “harapkan pagar, pagar makan padi”.

KONFLIK MUKAH DARI PERSPEKTIF KETERANGAN LISAN

Berdasarkan keterangan lisan dari Oya, Pengiran Shahbandar Abdul Wahab ibnu Sultan Omar Ali Saifuddin I mempunyai dua orang anak, yang sulung adalah Sultan Abdul Momin dan yang bungsu Pengiran Temenggung Abdul Rauf. Putera yang bungsu inilah yang melahirkan dua orang anak lelaki, iaitu Pengiran Arshad dan Pengiran Badaruddin. Pengiran Arshad yang berasal dari Brunei telah dilantik oleh Sultan Abdul Momin sebagai wakil atau Gabenor di Mukah seperti dijelaskan di atas. Semasa berpindah ke wilayah ini, Pengiran Arshad telah membawa keluarganya seramai 23 orang. Sementara itu adiknya, Pengiran Badaruddin, dilantik sebagai wakil kerajaan di Oya. Bagaimanapun, menurut Haji Raya bin Merkus, sebelum Pengiran Arshad menjadi Gabenor di sini, wakil kerajaan Brunei di kawasan ini ialah Orang Kaya Lai, seorang ketua tempatan yang bukan beragama Islam yang tinggal di Kampong Ragei Mukah.⁷

Sementara itu Pengiran Matusin juga dikenali sebagai Pengiran Mat Hussin Gagah adalah sepupu sekali kepada Pengiran Arshad. Beliau juga adalah pembesar tempatan di bawah kuasa pentadbiran Pengiran Arshad. Beliau memang penduduk asal Mukah dari Kampong Tellian dan ibunya adalah dari keturunan Melanau sembilan pikul. Bapanya dari kalangan Pengiran Brunei. Pada pemikiran Pengiran Matusin, sepatutnya beliau layak menjadi Wakil Sultan di daerah ini berbanding dengan Pengiran Arshad. Mungkin beliau merasakan dirinya adalah anak jati Mukah. Tetapi kerana latar belakang Pengiran Arshad lebih baik – kerana beliau merupakan anak kemanakan Sultan Abdul Momin – maka beliau telah dipilih oleh Baginda untuk menjadi wakil kerajaan di Mukah.

Senario inilah menimbulkan rasa tidak puas hati dan kurang senang kepada Pengiran Matusin. Sungguhpun begitu, Pengiran Arshad masih ingin menjerneuhkan hubungan yang keruh dengan menganggap Pengiran Matusin sebagai adik beliau sehingga dipanggil sebagai “adinda Pengiran Matusin”. Ada kemungkinan Pengiran Arshad tidak mahu menimbulkan kekacauan di

12/19; “Cession of the Territory from Samarahan to Kidorong Point, 6 September 1861” dalam *F.O.*, 572/18; Rawlins (1965:111); dan Tarling (1971:108).

⁷Haji Raya bin Merkus, lahir pada tahun 1923, bangsa Melanau Islam. Beliau mempunyai pertalian keluarga dengan Pengiran Matusin yang terlibat dalam pertikaian dengan Pengiran Arshad di Mukah. Menurutnya, moyang beliau sendiri telah turut terkorban apabila kediaman Pengiran Matusin diserang oleh angkatan Pengiran Dipa dan Syarif Mashyur. Temubual telah dibuat pada 13 Februari 2004 di rumah beliau, No. 7 Kampong Tellian, Jalan Sungai Ragei, 96400 Mukah, Sarawak. Keterangan lisan yang diperolehi di wilayah Oya. Lihat juga Dzulfawati Haji Hassan (1998:132).

daerah Mukah andaikata krisis berlaku, justeru tidak ada mana-mana pihak yang akan mendapat untung dari suasana huru-hara berbanding dengan situasi aman damai. Pengiran Matusin mempunyai ramai pengikut di kawasan kuala Sungai Tellian. Sementara itu Pengiran Arshad mempunyai pengaruh yang kuat di sebelah Kampong Tellian Ulu Mukah, kerana anaknya, Pengiran Dipa, berkahwin dengan orang di kawasan ini (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:116-117 dan 132).

Pengiran Arshad adalah seorang ketua jajahan yang tegas dalam melaksanakan pentadbiran Mukah, terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan kutipan cukai. Beliau menghantar anak-anaknya sendiri yang terdiri daripada Pengiran Dipa dan Pengiran Ladah ke kawasan pendalaman yang termasuk di bawah kuasa pentadbiran Mukah untuk menjalankan kutipan cukai ini. Hal ini dilakukan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan pemerasan oleh wakil-wakil atau ketua-ketua tempatan yang cuba mengambil kesempatan atas kedudukan mereka (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:116-117 dan 132). Justeru sering berlaku penyelewengan apabila mereka ini diamanahkan untuk menjalankan kutipan cukai di kawasan masing-masing. Ada di antaranya akan menaikkan kadar cukai yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, sedang perkara itu tidak pernah diarahkan kepada mereka. Inilah yang kadang-kadang menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk yang terlibat.

Ketegasan Pengiran Arshad ini tidak disenangi oleh pemimpin tempatan, termasuklah Pengiran Matusin. Sebenarnya Pengiran Matusin dan orang-orang tempatan yang berpengaruh cuba mengelak pembayaran cukai sagu dalam kadar yang telah ditetapkan bagi mendapatkan keuntungan yang lebih tinggi. Penyelewengan ini dilakukan kerana beliau dan pemimpin tempatan yang merupakan pemilik ladang rumbia yang luas. Tindakan Pengiran Matusin ini telah menimbulkan kemarahan kepada Pengiran Arshad, lalu melaporkan kepada Sultan Abdul Momin. Kemudian beliau telah dibuang daerah atas perintah Sultan. Menurut Haji Raya bin Merkus, Pengiran Matusin telah dibuang ke Sibu Laut dan tempatnya telah diganti oleh Datu Setia Raja. Beliau mempunyai kaitan keturunan dengan Dato Mohd Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak sekarang. Bagaimanapun kemudiannya beliau diampunkan oleh Sultan dan kembali ke Mukah. Untuk menjernekan suasana keruh ini, Pengiran Arshad melantik Pengiran Matusin sebagai pembantu kanannya. Pertikaian kedua-dua belah pihak reda buat sementara (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:117-119; dan Temubual dengan Haji Raya bin Merkus, 13/2/2004).

Episod pertikaian kedua-dua belah pihak menyala kembali apabila Pengiran Matusin terpicik dengan Pengiran Aceh, anak perempuan Pengiran Arshad. Beliau masuk meminang tetapi ditolak dengan bahasa yang kesat oleh Pengiran Arshad. Pengiran Matusin telah dicerca bentuk fizikal dan asal keturunannya yang dianggap tidak setara oleh Pengiran Arshad. Lagipun usia Pengiran Matusin hampir sebaya dengan Pengiran Arshad. Inilah lagi yang menimbulkan rasa marah kepada Pengiran Arshad kerana beranggapan bahawa Pengiran Matusin seolah-olah tidak tahu menilai diri. Di samping itu

Pengiran Aceh juga sudah bertunang dengan salah seorang Pengiran di Bintulu yang sedang bertugas di Brunei. Penolakan pinangan dan penghinaan ini telah membangkitkan rasa marah dan tidak puas hati hingga meninggalkan rasa dendam di hati Pengiran Matusin (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:118).

Sementara itu di Oya berlaku satu skandal yang membabitkan gundik Pengiran Metali, anak Pengiran Badaruddin. Pengiran Metali telah menggantikan bapanya sebagai wakil kerajaan di Oya setelah Pengiran Badaruddin dijatuhi hukuman mati di Brunei. Gundik beliau bernama Dayang Bali telah berlaku curang dengan Bashar, seorang ketua tempatan. Keduanya berasal dari Kampong Tutus Mukah. Bashar telah dijatuhi hukuman mati dan Dayang Bali tidak diketahui nasibnya. Akibat hukuman ini, keluarga Bashar di Kampong Tutus ingin menuntut bela dan mahu menyerang Oya. Pengiran Metali meminta kebenaran dari Pengiran Arshad supaya menghantar Pengiran Matusin ke Oya bagi mengukuhkan pertahanan kawasan ini. Lagipun Tutus dikatakan di bawah pentadbiran Pengiran Matusin. Permintaan ini kemungkinan telah dibenarkan oleh Pengiran Arshad, tetapi nampaknya Pengiran Matusin tidak pergi ke Oya, sebaliknya beliau pergi ke Tutus dan berunding dengan keluarga Bashar dengan menyampaikan amaran Pengiran Metali supaya mereka jangan cuba menuntut bela. Pengiran Matusin bukan saja menyampaikan amaran tetapi menyuruh mereka berpindah ke Rejang agar tidak dibunuh oleh Pengiran Metali. Oleh itu ramailah orang Tutus yang berpindah ke kawasan Rejang. Perbuatan Pengiran Matusin ini menimbulkan kemarahan Pengiran Arshad kerana dianggap melampau dan lari daripada apa yang telah diarahkan. Ini menjadikan bibit-bibit pertikaian mereka semakin membesar dan bertambah parah (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:118). Penghijrahan penduduk Tutus ini berkemungkinan telah mengurangkan sumber pendapatan Pengiran Arshad dari segi kutipan cukai dan perdagangan, sebab itu beliau marah kepada Pengiran Matusin. Ini juga mungkin strategi Pengiran Matusin sebagai membalas dendam dengan Pengiran Arshad.

Ekoran dari konflik yang berlarutan ini menyebabkan dendam Pengiran Matusin terus membara. Lantas beliau mengumpulkan pengikutnya dan merancang untuk melakukan serangan mengejut ke atas Pengiran Arshad. Semasa serangan dilancarkan, dikatakan Pengiran Arshad sedang tidur. Dalam serangan ini Pengiran Arshad telah cedera parah dan akhirnya meninggal dunia. Sementara itu anak-anak perempuannya, iaitu Pengiran Aceh dan Puteri Iyung, beberapa orang keluarga dan pengikut Pengiran Arshad juga terbunuh dalam serangan Pengiran Matusin ini. Menurut keterangan lisan yang diperolehi oleh Zulfawati Haji Hassan di Mukah, Oya dan Igan, perang saudara ini telah digunakan sebagai batu loncatan pihak ketiga, iaitu British, untuk menguasai Mukah yang kaya dengan hasil sagu pada tahun 1861. Tragedi ini telah diberitahu kepada anak-anak Pengiran Arshad. Lantas Pengiran Dipa meminta bantuan kepada Syarif Mashyur untuk menangkap Pengiran Matusin. Syarif Mashyur datang ke Mukah dan menyerang tempat kediaman Pengiran Matusin (Gould & Bampfylde, 1989:214).

Sementara itu ada pula versi lain yang mengatakan bahawa pembunuhan ke atas Pengiran Arshad telah dilakukan pada waktu maghrib, ketika mana Pengiran Arshad sedang mengambil air wudhu. Pada waktu inilah Pengiran Matusin mengambil peluang menikam Pengiran Arshad dengan nibong tajam dan ada yang mengatakan menggunakan keris. Pengiran Arshad dikatakan tidak lut dengan keris, sebab tubuhnya kebal dan orang kebal dipercayai hanya boleh luka dengan menikam menggunakan nibong tajam. Tetapi ada juga mengatakan bahawa orang kebal ini boleh lut dengan tikaman keris. Tikaman Pengiran Matusin ini gagal menembusi kulit Pengiran Arshad, bagaimanapun ia masih mampu memberikan kecederaan. Akibat tragedi ini ia telah menjadi isu dan krisis besar di Mukah.

Ketika peristiwa ini berlaku, anak-anak Pengiran Arshad, iaitu Pengiran Dipa dan Pengiran Ladah, tiada di Mukah. Mereka sedang bertugas di hulu sungai membuat tinjauan dan pemantauan di kawasan tersebut. Kedua-dua Pengiran ini kembali ke Mukah apabila mendengar khabar yang bapa mereka cedera. Pengiran Arshad telah dibawa ke Oya oleh Pengiran Ladah. Setelah Pengiran Arshad berada di Oya, Mukah berada dalam keadaan huru-hara, pembunuhan menjadi-jadi di antara orang Tellian Hulu dan Tellian Hilir. Sungguhpun ramai pengikut Pengiran Matusin yang dibunuh tetapi beliau sendiri sempat menyelamatkan diri lari ke Rejang. Kemudian Pengiran Matusin pergi ke Kuching, meminta bantuan dengan James Brooke dan Panglima Seman untuk menentang pengaruh Pengiran Arshad di Mukah.⁸

Akibat kecederaan yang dialami oleh Pengiran Arshad, akhirnya beliau telah meninggal dunia dan dimakamkan di Oya. Pengiran Arshad telah meninggal dunia pada tahun 1273 Hijrah bersamaan dengan tahun 1855 Masihi. Anak cucu Pengiran Arshad dikatakan tahu cerita ini hingga sekarang. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, Pengiran Arshad sempat melafazkan sumpah yang melarang anak cucunya untuk berkahwin dengan keturunan Pengiran Matusin selama tujuh keturunan. Sumpahan ini dibuat supaya tidak terjadi percampuran darah antara keduanya. Jika dilanggar, dipercayai akan menimpa sesuatu yang tidak baik kepada mereka yang melakukannya. Menurut Penghulu Haji Hussin bin Bahar, jika kedua-dua keturunan ini melanggar sumpahan Pengiran Arshad ini, maka kedua-dua mempelai akan muntah darah. Oleh itu dalam mencari jodoh, anak-anak kedua-dua waris Pengiran ini begitu berhati-hati supaya tidak berlaku perkahwinan di kalangan mereka. Selain itu keturunan Pengiran Matusin juga tidak dibenarkan untuk masuk ke rumah waris-waris Pengiran Arshad (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:105).⁹

Apabila Pengiran Arshad meninggal dunia, tempatnya sebagai Wakil Sultan diganti oleh anaknya, Pengiran Dipa, yang mempunyai dasar anti keluarga Brooke. Dalam mempertahankan Mukah, Pengiran Dipa dibantu

⁸Keterangan lisan yang didapati dari kawasan Oya. Lihat juga Dzulfawati Haji Hassan (1998:132-133).

⁹Penghulu Haji Hussin bin Bahar, lahir pada tahun 1939, bangsa Melanau Islam. Temubual telah dibuat pada 13 Februari 2004 di rumah beliau, di Kampong Kuala Oya, Sarawak.

oleh iparnya, Syarif Mashyur. Beliau adalah Gabenor jajahan Rejang sejak tahun 1849 sebelum diambil alih kuasanya oleh James Brooke. Ibu beliau adalah wanita Melanau bernama Siren dari Igan. Bapanya adalah pemimpin kawasan Skerang, oleh itu beliau juga dikenali sebagai Syarif Skerang. Syarif Mashyur mempunyai pengaruh yang kuat ke atas penduduk Sarikei, Rejang, Igan, Oya dan Mukah.

Apabila James Brooke datang ke Mukah, ia mendapati pertahanan di sini begitu kukuh. James Brooke kemudiannya meminta supaya diadakan gencatan senjata. Syarif Mashyur telah dilantik menjadi juru runding di atas kapal James Brooke yang berlabuh di muara Sungai Mukah. Tetapi James Brooke dengan tipu helahnya telah menangkap dan menculik Syarif Mashyur lalu dibuang negeri ke Singapura. Sementara itu James Brooke mendesak supaya Mukah dipajakkan kepadanya dengan "saguan" atau sagu hati berjumlah ribuan Ringgit. Lalu pada tahun 1861, Mukah dipajakkan kepada James Brooke dan Pengiran Dipa dihantar balik ke Brunei dan menetap di Tutong (Dzulfawati Haji Hassan, 1998:121-133; dan Temu bual dengan Haji Raya bin Merkus, 13/2/2004).

PENILAIAN TERHADAP SUMBER BARAT DAN KETERANGAN LISAN TEMPATAN TENTANG KONFLIK MUKAH

Berdasarkan sumber Barat dan keterangan lisan ini, ternyata terdapat perbezaan dan persamaan pandangan terhadap konflik Mukah. Dalam konteks perwatakan Pengiran Arshad sebagai wakil kerajaan Brunei di Mukah, gambaran yang diberikan oleh kedua-dua sumber ini begitu jelas berbeza. Dari perspektif sumber Barat, khususnya dari pandangan Charles Brooke, melihat bahawa perwatakan Pengiran Arshad lebih berunsurkan negatif apabila beliau dikatakan sebagai seorang pemimpin diktator, kerana itulah Pengiran Matusin bangkit mengadakan penentangan (Pringle, 1970:111-112). Sedangkan sumber tempatan, berdasarkan keterangan lisan, mencerminkan bahawa Pengiran Arshad itu sebagai seorang pemimpin yang tegas dan bertanggungjawab dalam mengendalikan pentadbiran Mukah. Malahan menurut Haji Raya bin Merkus, Pengiran Arshad begitu mengambil berat tentang perkembangan syiar Islam sehingga beliau berusaha untuk membangunkan masjid di Mukah. Islam juga begitu berkembang di kawasan ini dibawah kepimpinan Pengiran Arshad dengan dibantu oleh pendakwah dari Trengganu, Malaysia (Temubual dengan Haji Raya bin Merkus, 13/2/2004).

Gambaran yang diberikan oleh sumber Barat dan bersifat negatif ke atas keperibadian Pengiran Arshad ternyata mempunyai motif-motif tersembunyi, justeru keluarga Brooke memang tidak menyukai kepimpinan Pengiran Arshad yang lebih jujur dan pro Brunei. Ciri-ciri memburuk-burukan keperibadian Pengiran Arshad ini juga dilihat sebagai satu strategi dalam membayangkan beliau sebagai seorang yang tidak berkredibiliti dalam pentadbiran. Oleh itu beliau seolah-olah tidak mempunyai kelayakan dalam kepimpinan wilayah Mukah.

Sementara itu wujudnya konflik Mukah, sumber Barat melihat ianya seolah-olah telah dicetuskan oleh Pengiran Arshad. Dengan kata lain, beliau adalah dipihak yang salah, sementara Pengiran Matusin adalah di pihak yang benar. Sumber Barat jelas meletakkan kesalahan di bahu Pengiran Arshad apabila dikatakan Pengiran Matusin mengamuk dan seterusnya membunuh beliau kerana Pengiran Arshad telah menghina dan mencabar Pengiran Matusin. Sedangkan sumber tempatan dari keterangan lisan lebih cenderung menyalahkan Pengiran Matusin hingga tercetus krisis Mukah. Jika diteliti dari kaca mata sumber tempatan, Pengiran Matusin merupakan perwatakan yang sering menimbulkan unsur-unsur permusuhan dengan kepimpinan Pengiran Arshad. Hal ini jelas apabila beliau merasakan dirinya lebih layak untuk menjadi Gabenor Mukah berbanding dengan Pengiran Arshad. Pemikiran seperti ini seharusnya tidak timbul dalam kepala Pengiran Matusin, kerana beliau sepatutnya akur dengan perintah Sultan Abdul Momin atas pelantikan Pengiran Arshad. Justeru Sultan dalam pentadbiran tradisi Kesultanan Brunei adalah pemerintah tertinggi.

Dalam hubungan penghinaan yang dirakamkan oleh sumber Barat, tidak pula dijelaskan apakah faktor yang mendorong Pengiran Arshad hingga sanggup menghina Pengiran Matusin. Adalah tidak boleh diterima bahawa Pengiran Arshad mengeluarkan sebarang penghinaan tanpa sebab. Hal ini ternyata telah terjawab dalam sumber keterangan lisan tempatan. Penghinaan ini lahir, ada kemungkinan, berkaitan dengan hasrat Pengiran Matusin hendak memperisterikan anak perempuan Pengiran Arshad. Kata-kata kesat telah dikeluarkan oleh Pengiran Arshad kerana beliau berpendapat bahawa Pengiran Matusin tidak layak untuk menyunting anaknya, kerana umurnya sudah lanjut, lagipun anaknya, Pengiran Aceh ini, sudah bertunang.

Dari sumber keterangan lisan ini juga jelas bahawa konflik Mukah telah dicetuskan oleh Pengiran Matusin apabila beliau dan pengikutnya cuba mengelak dari membayar cukai dalam kegiatan perdagangan sagu mereka. Fakta ini tidak pula dirakam oleh sumber Barat, atau memang sengaja tidak dicatatkan, kerana maklumat ini lebih mendedahkan tentang kelemahan di pihak Pengiran Matusin. Ini menggambarkan bahawa Pengiran Matusin bukanlah seorang pemimpin yang jujur, sedangkan sumber Barat mengatakan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang berwibawa dan mendapat sokongan ramai dari penduduk Mukah. Boleh dikatakan bahawa penyokong Pengiran Matusin itu adalah orang yang sanggup bersekongkol dengan penyelewengan yang beliau lakukan, kerana semata-mata untuk mengaut keuntungan yang lebih.

Kebaikan yang ditonjolkan oleh sumber Barat ini jelas mempunyai motif tersendiri. Pengiran Matusin, sama ada menyedari atau tidak, telah dieksploitasi oleh keluarga Brooke untuk mencapai cita-citanya bagi menguasai Mukah. Dalam kata lain, dasar politik *divide and rule* telah diaplikasikan dalam mencapai matlamat merampas Mukah dari tangan Kesultanan Brunei. Tetapi yang ironinya, sumber Barat sendiri kemudiannya mengakui bahawa Pengiran

Matusin adalah pemimpin yang korup dan tidak boleh dipercayai. Akhirnya beliau dibuang daerah oleh pentadbiran keluarga Brooke ke Baleh, dan pada tahun 1876 beliau dipindah dari kawasan ini ke sebuah kampung berdekatan Santubong (Pringle, 1970:111-112; dan Gould & Bampfylde, 1989:213). Pengiran Matusin bagaikan habis manis sepah dibuang, beliau sudah tidak perlukan oleh keluarga Brooke sebaik-baik saja cita-cita untuk menguasai Mukah tercapai. Jadi, keterangan lisan yang mencerminkan Pengiran Matusin seorang pemimpin yang gagah berani tetapi kurang jujur adalah tidak boleh diragukan apabila ia akhirnya turut diakui oleh sumber Barat. Pengiran Matusin – walaupun berjaya menghapuskan musuh ketatnya, iaitu Pengiran Arshad – akhirnya beliau sendiri juga tidak mendapat apa-apa keuntungan berbanding dengan sebelumnya. Beliau sebagai seorang pemimpin yang disegani di Mukah, di samping memiliki kekayaan kerana hasil sagu, kini sudah berlalu, hidup menjadi merimpit dan tak tentu arah.

Dalam pada itu James Brooke melihat bahawa krisis Mukah ini sebagai satu peluang terbuka untuk menguasai jajahan Brunei seterusnya. Tentang pedagang-pedagang Sarawak yang dihalang dari memasuki Mukah hanyalah alasan remeh. Beliau menyedari bahawa kawasan Mukah dan daerah-daerah yang berdekatan dengannya seperti Oya, Bintulu, Matu dan Bruit merupakan kawasan pengeluar sagu utama. Pada ketika ini juga Sarawak sedang menghadapi kemerosotan ekonomi, maka adalah diharapkan hasil sagu dari kawasan ini akan dapat mengatasi masalah ekeonomi. Krisis ekonomi berlaku kerana James Brook banyak menanggung hutang. Contohnya beliau telah banyak melaburkan sumber kewangannya dalam saham perusahaan arang batu di Labuan yang dikendalikan oleh Syarikat Kepulauan Timur. Pengarah syarikat ini ialah Henry Wise yang juga ejen keluarga Brooke di London. Bagaimanapun syarikat ini mengalami kerugian hingga membabitkan saham-saham keluarga Brooke dalam syarikat.

Selain itu James Brooke juga telah menerima kesan negative hasil dari gerakan mengatasi pemberontakan orang-orang China di Kuching pada tahun 1857. Kaum China telah tidak berpuas hati dengan dasar-dasar pentadbiran James Brooke yang dilihat lebih banyak merugikan dalam kegiatan ekonomi mereka berbanding dalam era pemerintahan Kesultanan Brunei. Dalam pemberontakan ini, James Brooke telah membunuh lebih kurang 2,000 orang-orang China. Untuk membiayai operasi menghapuskan pemberontakan ini, James Brooke terpaksa berhutang sebanyak 5,000 pound kepada *Borneo Company* (Pringle, 1970:111 dan 117-118; Gould & Bampfylde, 1989:213; Saunders, 1994:82; St. John, 1994:327; dan Nasron Sira Rahim, 2007:11).

Sungguhpun terdapat perbezaan kepada kedua-dua sumber ini, namun masih terdapat juga unsur-unsur persamaan antara kedua-duanya. Baik sumber Barat mahupun sumber tempatan memang mengakui tentang kewujudan konflik Mukah semasa era kekuasaan Kesultanan Brunei yang melibatkan tokoh-tokoh seperti Pengiran Arshad, Pengiran Matusin, Pengiran Dipa dan Syarif Mashyur. Kedua-dua sumber juga mengakui bahawa implikasi dari

perbalahan yang terjadi di Mukah ini diibaratkan sebagai pemangkin kepada pemajakannya beserta dengan beberapa buah daerah lain yang kaya dengan hasil buminya kepada James Brooke. Maka peristiwa ini memang merupakan satu tragedi dalam tinta dan lembaran sejarah Kesultanan Brunei. Justru, Joan Rawlins dalam kupasannya mengenai peristiwa pajakan ini mengatakan bahawa Sultan Abdul Momin amat gembira dengan penyerahan wilayah ini (Rawlins, 1965). Satu pandangan yang tidak boleh diterima dan cuba merendah-rendahkan kepimpinan seorang Sultan, sedang tidak ada mana-mana pemimpin yang ingin dan suka jajahannya diambil dan dikuasai oleh orang lain, bahkan dalam sejarah tamadun manusia kehendak sesebuah kerajaan untuk meluaskan jajahan takluknya merupakan fenomena biasa berlaku.

RUMUSAN

Dalam pengkajian sejarah Brunei, para pengkaji tidak semestinya hanya bergantung kepada sumber Barat untuk mendapatkan maklumat dan fakta sebenar, tetapi sumber tempatan juga perlu diambil kira andaikata sumber-sumber ini masih wujud untuk diteliti. Penulisan ke atas sejarah Brunei boleh dikatakan tidak akan seimbang apabila sumber tempatan diketepikan begitu saja, kerana sumber-sumber Barat lebih cenderung ke arah melihat kekurangan masyarakat tempatan berbanding dengan kelemahan yang ada pada mereka dan pembesar yang disokongnya dalam peristiwa bersejarah di negara ini. Oleh itu apabila menggunakan sumber Barat, para pengkaji harus berhati-hati dan perlu mempunyai pemikiran yang kritis, kerana sumber ini mempunyai agenda tersembunyi dan bersifat *Euro-centric* seperti mana yang berlaku ke atas paparan sejarah krisis Mukah dalam era pemerintahan Kesultanan Melayu Brunei pada kurun abad ke-19. Sementara menurut kaca mata sumber tempatan, kelihatannya dalam episod Mukah ini lebih seimbang dalam menceritakan tragedi ini tanpa cuba menyebelahi mana-mana pihak.

Bibliografi

- "Cession of the Territory from Samarahan to Kidorong Point, 6 September 1861" dalam *F.O. (Foreign Office)*, 572/18.
- Dzulfawati Haji Hassan. (1998). *Etnografi Sejarah Sosio-Budaya Melanau: Hubungannya dengan Era Brunei*. Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Monograf Akademi Pengajian Brunei, Bil.1/9, 8 September.
- "Edwardes to Foreign Office, 8 June 1860" dalam *F.O. (Foreign Office)*, 12/27.
- "E. Hertslet, Memorandum Respecting the Status of Rajah Brooke of Sarawak, and as to His Right to be Treated as an Independent Sovereign Prince, December 29, 1876" dalam *F.O. (Foreign Office)*, 12/19.
- Gould, S. Baring & C.A. Bampfylde. (1989). *History of Sarawak Under its Two White Rajah, 1839-1908*. Singapore: Oxford University Press.

- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2004). "Kesultanan Brunei Abad ke-19: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran". *Thesis Doktor (Ph.D.) Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- "Johnstone to Wilson, 30 August 1860" dalam C.O. (*Foreign Office*), 144/18.
- "Map of Borneo" dalam F.O. (*Foreign Office*), 572/25.
- Mundy, Rodney. (1848). *Narrative of Events in Borneo and Celebes Down to the Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke, ESQ Rajah of Sarawak and Governor of Labuan*, Vol.I. London: John Murray, Albermarle Street.
- Nadzan Haron. (1997). "Keterangan Lisan sebagai Sumber Sejarah" dalam *Alam Pensejarahan dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasron Sira Rahim. (2007). "Pelombong Emas Cina Tentang Penjajah Asing" dalam *Berita Minggu*. Bandar Seri Begawan: 9 September.
- "Peta Jajahan di Bawah Kuasa Sarawak" dalam F.O. (*Foreign Office*), 12/2.
- "Peta Jajahan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara British" dalam F.O. (*Foreign Office*), 12/57.
- "Peta Jajahan Sarawak, Brunei dan Borneo Utara British" dalam F.O. (*Foreign Office*), 12/76.
- Pringle, Robert. (1970). *Rajahs and Rebels the Ibans of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*. New York: Cornell University Press.
- Rawlins, Joan. (1965). *Sarawak, 1839-1963*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Saunders, Graham. (1994). *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- St. John, Spenser. (1994). *The Life of Sir James Brooke Rajah of Sarawak from His Personal Papers and Correspondence*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, Nicholas. (1971). *Britain, the Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- "The Sultan of Brunei to Edwardes, Brunei: 25 April 1860" dalam F.O. (*Foreign Office*), 12/27.

Temubual:

- Haji Raya bin Merkus, lahir pada tahun 1923, bangsa Melanau Islam. Beliau mempunyai pertalian keluarga dengan Pengiran Matusin yang terlibat dalam pertikaian dengan Pengiran Arshad di Mukah. Menurutnya, moyang beliau sendiri telah turut terkorban apabila kediaman Pengiran Matusin diserang oleh angkatan Pengiran Dipa dan Syarif Mashyur. Temubual telah dibuat pada 13 Februari 2004 di rumah beliau No.7 Kampong Tellian, Jalan Sungai Ragei, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia.
- Penghulu Haji Hussin bin Bahar, lahir pada tahun 1939, bangsa Melanau Islam. Temubual telah dibuat pada 13 Februari 2004, di rumah beliau di Kampong Kuala Oya, Sarawak, Malaysia.